

E2 WAVES

The Official Newsletter of PKE UiTM CPP



الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



TOP NEWS



TEAM BUILDING PKE 2024

Hampa Memang Sempoi...

➤➤➤ [READ MORE](#)

SINERGI MOBILITI PENYELIDIKAN EMJ-APCO

➤➤➤ [READ MORE](#)



EDITORIAL BOARD:

Norsabrina Sihab, Asmalia Zanal, Faridah Abdul Razak, Wan Salha Saidon,
Ir. Ts. Abdul Malek Saidina Omar, Ts. Anith Nuraini Abd Rashid, Dr. Rosfariza Radzali,
Ir. Dr. Intan Rahayu Ibrahim, Ts. Dr. Saiful Zaimy Yahaya

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA PENGAJIAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK (PKE) 2024

By Rosfariza Radzali & Anith Nurani



salam Aidilfitri

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Pengajian Kejuruteraan Elektrik (PKE) telah diadakan pada 26 April 2024, bersamaan 17 Syawal 1445H, di Tingkat 7, Blok Perdana. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Ketua Pusat Pengajian PKE iaitu Prof. Madya Ir. Dr. Nor Azlan Othman bagi mengalu-alukan kehadiran semua tetamu. Majlis bertambah meriah dengan kehadiran Tuan Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang iaitu Profesor Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Rashidy Bin Razali.



Bertemakan "Beraya di Perantauan", majlis ini merupakan satu inisiatif untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara staf PKE serta meraikan kejayaan sebulan puasa di bulan ramadhan. Objektif utama majlis ini adalah untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri bersama warga PKE dan mengeratkan hubungan sesama ahli fakulti, memberi peluang kepada semua pihak untuk berkumpul dan merayakan dalam suasana yang ceria. Selain itu, jamuan raya ini juga telah menjadi platform untuk beramah mesra dan mempererat ukhawah dalam komuniti PKE.



Pelbagai hidangan istimewa disediakan dari setiap bidang di PKE mengikut tema. Ini termasuk nasi arab, rendang, ketupat, lemag, lontong, cendol, serta kuih-muih tradisional seperti kuih raya, kek dan banyak lagi. Suasana majlis dimeriahkan dengan alunan muzik raya dan majlis berjalan dengan lancar. Sebelum mengakhiri majlis, staf PKE mengambil kesempatan untuk mengadakan sesi bergambar beraramai-ramai di sudut khas yang disediakan, bagi merakam kenangan manis dan sebagai kenang-kenangan. Semoga semangat dan kegembiraan yang dikongsi pada majlis ini akan terus mengeratkan hubungan dalam komuniti PKE dan memberikan kenangan kepada semua.

ros radzali



Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya. Surah al-Baqarah: 26.

E2 WAVES

The Official Newsletter of PKE UiTM CPP



Official Website & Social Media:


Pengajian Kejuruteraan Elektrik

DIPLOMA EE UiTM



UITM CAWANGAN PULAU PINANG - PENGAJIAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

ISSN 2289 - 9480



9 772289 948007

PUBLISHED BY:
UNIT PENERBITAN PKE
ELECTRICAL ENGINEERING STUDIES
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS PERMATANG PAUH
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG